

11/01/2001

Persatuan digesa anjur pertandingan pra-Sukan Sea XXI

BAGI memastikan peralatan dan gelanggang pertandingan diuji sepenuhnya sebelum mengelolakan Sukan Sea XXI, persatuan sukan kebangsaan digesa menganjurkan kejohanan pra-temasya dwitahunan itu.

Ketua Pegawai Operasi Sekretariat Kuala Lumpur 2001, Zaki Abdul Rahman, berkata sebaik-baiknya persatuan sukan kebangsaan menganjurkan kejohanan yang sudah diluluskan dalam kalendar 2001 masing-masing.

"Mereka tidak perlu mencadangkan kejohanan baru sebaliknya hanya meminda tarikh kejohanan yang sudah diluluskan bagi program 2001. Ini boleh menjimatkan kos.

"Oleh kerana semua gelanggang yang dibaik pulih dan dinaik taraf hanya beroperasi sepenuhnya sebulan sebelum temasya bermula, kita mungkin menetapkan mereka mengadakan pra-temasya itu pada waktu itu.

"Tujuan kejohanan pra-temasya itu dianjurkan adalah bagi memastikan segala persiapan terutama gelanggang dan peralatan pertandingan diuji dan berada dalam keadaan bersedia," katanya selepas mesyuarat majlis pelancaran Sukan Sea XXI yang dipengerusikan Ketua Setiausaha Kementerian Belia dan Sukan, Datuk Mahamad Zabri Min semalam.

Terdahulu, Kuala Lumpur 2001 yang dijadualkan dari 7 hingga 18 September depan adalah temasya kali kelima yang dikelolakan negara selepas kali terakhir pada 1989.

Temasya kali ini melakar sejarah apabila julung kali beberapa acara akan dipertandingkan di luar Kuala Lumpur termasuk Johor Bahru, Pulau Pinang, Seremban dan Shah Alam.

Sehubungan itu, sebanyak RM30 hingga RM50 juta diperuntukkan bagi membaik pulih dan menaik taraf semua gelanggang kecuali yang digunakan ketika Kuala Lumpur '98-Sukan Komanwel XVI.

Sementara itu, Zaki berkata, pihaknya sudah menetapkan 3 Februari depan sebagai majlis pelancaran Sukan Sea XXI yang dijangka dirasmikan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

"Tujuan kita mengadakan pelancaran temasya itu adalah untuk memaklumkan kepada rakyat Kuala Lumpur sudah bersedia sepenuhnya mengelolakan temasya serantau itu.

"Tarikh 3 Februari pula dipilih bersempena Hari Wilayah Persekutuan bersesuaian dengan Kuala Lumpur menjadi tuan rumah.

"Beberapa program dan aktiviti sudah dirangka termasuk membabitkan atlit dan pertandingan sukan. Kita juga akan mendedahkan sejarah Sukan Sea termasuk memaparkan logo dan maskot sejak temasya itu bermula," katanya.

(END)